

Kosmo 3
28/5/2015
A4

Mengapa **GST** itu bermanfaat?

Dari Kaca Mata
Datuk Seri
Hasan Malek



Facebook: YB. Dato' Hasan Bin Malek
Twitter: @hasanmalek1P
Instagram: Dato' Sri Hasan Bin Malek



Menteri Perdagangan
Dalam Negeri,
Koperasi
& Kepergunaan

PADA zaman serba canggih yang mana maklumat dan berita tersebar pantas, saya dapati orang ramai mahukan segalanya segera. Maklumat, jawapan dan perkhidmatan semuanya mahu segera, sampai makan sekalipun mee segera dijadikan pilihan. Tiada lagi masa untuk duduk dan benar-benar mencerna atau menikmati sesuatu perkara itu.

Zaman ini saya dapati orang malas hendak membaca satu-satu penulisan yang lebih daripada 100 patah perkataan, cukup sekadar satu tajuk akhir...



PELAKSANAAN GST yang mula diperkenalkan di negara ini pada 1 April lalu akan memberi manfaat jangka masa panjang kepada rakyat. – Gambar hiasan

benar amati walaupun terdapat sedikit kenaikan harga dalam pasaran secara umumnya peniaga sudah mula bersaing.

Kita dapati beberapa syarikat besar dan terkemuka mengemukakan penurunan harga barang bagi memastikan harga kekal pada paras sebelum ini walaupun selepas dikenakan GST.

Masa perlu diberikan untuk perkara ini berlaku dengan lebih meluas. Dengan pasaran yang lebih telus barulah syarikat-syarikat lebih berani untuk melabur dalam pasaran domestik kita kerana mereka tahu bahawa kini mereka boleh bersaing dan secara jangka masa panjang bukannya itu lebih baik untuk pengguna?

Memang saya akui pengenalan GST ini memberi kesan pahit kepada pengguna buat masa ini, namun bagi saya ia samalah seperti ubat, pahit pada mulanya, namun manfaatnya datang kemudian.

Selama ini ketika mana kerajaan mensubsidi bahan bakar seperti petrol dan diesel, pelanggan yang menikmati...

bar yang sensasi untuk membuat orang marah dan melompat tanpa membaca isi kandungan dengan teliti.

Saya datang dari zaman yang mana setiap pucuk surat itu diterima dengan penuh makna daripada seorang anak kepada ibunya, kawan lama bertanya khabar atau luahan hati daripada seorang kekasih, zaman yang mana surat bukan sekadar makluman penyata bank atau bil kad kredit. Waktu ketika mana orang duduk dan benar-benar menulis, membaca dan tidak membuat kesimpulan sekadar melihat tajuk sahaja.

Saya tahu ramai marah dan memaki saya tiap kali saya kata Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) itu sebenarnya memberi manfaat kepada rakyat. Mereka tidak boleh terima dan memberi pelbagai kritikan dan pendapat yang pedas.

Namun pada hari ini saya mohon untuk pembaca duduk sekejap, luangkan masa beberapa minit dan cuba mendalami maksud saya lebih daripada sekadar tajuk sensasi berita dan cuba fikirkan sejenak tentang mengapa saya kata GST itu bermanfaat untuk rakyat.

Pernahkah anda pergi ke sebuah kedai telefon bimbit untuk membeli sebuah telefon pintar berjenama dan pekedai itu bertanya kepada anda sama ada anda mahukan yang 'original' (tulen) ataupun yang 'AP Set'. Yang tulen harganya akan lebih mahal daripada 'AP Set' dan apabila ditanya apakah bezanya jawapan selalunya adalah kedua-dua telefon berkenaan adalah sama kecuali dari segi jaminan (warranty).

Yang tulen boleh dihantar ke syarikat jenama berkenaan dan lagi satu hanya boleh diterima di kedai yang anda beli, pelik bukan? Apa itu AP Set sebenarnya? "Original set boleh hantar sama Samsung sana, AP Set awak kena hantar sini saja kalau rosak."

Ataupun pernah atau tidak anda tertanya-tanya mengapa lebih murah untuk mendapatkan alat ganti bagi kereta jenama tertentu di kedai bengkel biasa berbanding dari syarikat itu sendiri. Bukankah sepatutnya alat ganti kereta Honda lebih murah untuk didapati dari kedai Honda berbanding dengan bengkel kereta biasa kerana ketiadaan orang tengah?

Tapi hal sebaliknya berlaku bukan? Inilah masalah yang kita hadapi sebelum ini iaitu terlalu banyak barangan terutama dalam industri peruncitan yang tidak dapat kita kesân menyebabkan ia dapat mengelak daripada membayar cukai atau duti yang sepatutnya. Ini membolehkan sesetengah peniaga yang tidak bertanggungjawab mengelak daripada membayar cukai pendapatan dan membolehkan mereka menjual barangan yang diseludup dari luar pada harga yang lebih rendah.

Persaingan Tidak Sihat

Sebab itu kita dapati daripada pihak kerajaan walaupun pelbagai insentif disediakan untuk usahawan baharu, amat sukar untuk mereka menembusi pasaran atau industri tertentu. Mereka akan dapati harga yang ditawarkan oleh usahawan ini tidak boleh menyamai dengan pasaran atau barangan. Stok yang diperolehi berbeza harganya menyebabkan perniagaan mereka menjadi kurang kompetitif.

Ini kerana kita dapati kos untuk berniaga yang terpaksa ditanggung berbeza oleh peniaga yang membeli barangan secara sah, membayar cukai serta duti dan mematuhi undang-undang adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan mereka yang melanggar undang-undang. Lama-kelamaan pasaran mula kehilangan peniaga-peniaga yang telus dan ia dikuasai oleh golongan tertentu dan ini yang dikatakan sebagai 'kartel' atau terbentuknya sebuah pakatan yang memonopoli pasaran.

Sebab itu kadang-kadang apabila kita ke sesebuah gedung kita akan dapati terdapat berpuluh kedai yang menawarkan barangan yang sama tetapi harganya tidak banyak berbeza dan mereka semua akan mendapatkan stok dari tempat yang sama. Ini menunjukkan bahawa walaupun nampak ada persaingan di kalangan peniaga, namun dari segi bekalan ia dikawal oleh golongan tertentu.

Secara logiknya untuk mana-mana barangan yang sebelum ini dikenakan cukai pada kadar yang lebih tinggi daripada kadar GST masa kini, harganya

Selama ini sistem cukai yang dikenakan pada satu tahap sahaja membuatkan transaksi boleh disembunyikan, namun dengan pengenalan GST setiap transaksi dapat kita kesan dan rekodkan

sepatutnya turun tetapi kita lihat perkara itu tidak berlaku kerana sebelum ini mereka tidak pernah pun membayar cukai yang sepatutnya.

Ini kerana apa yang kita hadapi sekarang ini adalah fasa pembetulan pasaran iaitu peniaga yang tidak mematuhi undang-undang mendapati bahawa mereka terpaksa menanggung kos sebenar berniaga.

Selama ini sistem cukai yang dikenakan pada satu tahap sahaja membuatkan transaksi boleh disembunyikan, namun dengan pengenalan GST setiap transaksi dapat kita kesan dan rekodkan. Ini menyebabkan sukar untuk mengelak daripada membayar cukai pendapatan, tidak mengisytiharkan barangan atau menjual barangan seludup kerana GST memudahkan pihak berkuasa membuat audit.

Ini juga membuatkan pasaran kini lebih adil untuk mana-mana peniaga baru menceburi bidang tertentu membuatkan persaingan yang lebih sihat akan berlaku di dalam pasaran.

Sistem cukai yang lebih efektif dan telus memudahkan penguatkuasaan dan seterusnya dapat mengurangkan ketirisan serta membasmi gejala tidak sihat, bukan sahaja dalam kalangan peniaga tetapi juga dalam kalangan penguat kuasa serta kakitangan kerajaan yang sebelum ini terdedah kepada anasir-anasir yang merosakkan integriti khususnya dalam pengutipan cukai dan duti eksais.

Pengguna pasti bertanya habis itu bagaimana pula ia memberi manfaat kepada kami sedangkan sesetengah barangan itu naik harganya? Kalau kita benar-

dan diesel, golongan yang menikmati paling banyak subsidi bukanlah rakyat Malaysia yang bekerja makan gaji tetapi peniaga, industri, kilang-kilang dan pengusaha. Berapa sangat minyak yang digunakan oleh satu tangki kereta Proton berbanding dengan sebuah lori tiga tan.

Apabila kita mensubsidi tarif elektrik yang paling banyak menikmati keuntungan bukanlah isi rumah keluarga yang mempunyai tiga orang anak tetapi kedai makan 24 jam, kilang-kilang yang menggaji pekerja asing serta gedung belibelah yang memasang penghawa dingin sepanjang hari.

Namun apabila tiba masanya untuk mengembalikan sebahagian daripada keuntungan mereka kepada kerajaan, didapati sebahagian daripada mereka ini jugalah yang lari daripada membayar cukai, tidak mengisytiharkan perniagaan dan bermacam lagi kaedah yang digunakan.

Saya kira sudah tiba masanya kita membentuk sesebuah ekonomi yang lebih telus dan stabil dan sektor swasta mula memberi pulangan yang setimpal berbanding dengan kelebihan serta keuntungan yang mereka nikmati selama ini.

Asas sebuah ekonomi yang lebih stabil dan baik adalah berpaksikan kepada sebuah sistem cukai yang lebih telus dan ia adalah satu sistem cukai yang telah terbukti apabila ia telah digunapakai di hampir 170 buah negara di seluruh dunia.

Bagi saya, pengumuman dan janji Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bahawa setiap perbelanjaan semula kutipan GST akan dikembalikan kepada rakyat melalui program pembangunan serta inisiatif daripada kerajaan membuktikan bahawa dasar tersebut sejajar dengan semangat rakyat didahulukan.

Walaupun ketika ini ia nampak seperti tidak popular, namun saya tetap berdiri teguh di belakang Perdana Menteri dan percaya bahawa GST adalah dasar yang wajar kita laksanakan.

Atas iltizam dan keyakinan inilah saya berpendapat bahawa akhirnya GST akan memberi manfaat jangka masa panjang kepada rakyat.